



Zoe Tay, Stef Sun and more attend Louis Vuitton's fashion show in Singapore

[CHECK OUT THE STORY](#)

**cna**  
LIFESTYLE



## 300 keluarga memerlukan di Tampines dapat berbuka percuma dari 11 kedai makan ini

14/4/2021 22:02 Update: 14/4/2021 22:06

A A+

KONGSI ARTIKEL



SINGAPURA: Seramai 300 keluarga memerlukan di GRC Tampines akan mendapat makanan percuma sepanjang Ramadan ini di bawah satu inisiatif kebajikan.

Kesemuanya, hampir 1,200 paket makanan percuma akan didermakan oleh 11 restoran dan kedai makanan di Hab Tampines Kita (OTH).





Gambar: Hab Tampines Kita

Menerusi inisiatif dipanggil 'Pay It Forward' ini, setiap daripada 300 keluarga memerlukan yang terpilih, diberi empat kupon makanan dalam bulan puasa ini.

Dengan kupon tersebut, keluarga-keluarga berkenaan boleh menebus hidangan makanan dari restoran-restoran atau gerai makan halal seperti Express by Papparich, Tenderfresh, Crave, Saap Saap Thai, Qiji, Curry & Spize, Rumah Minang, Wok Hey atau Subway di OTH.

Inisiatif bantuan masyarakat sempena Ramadan itu dianjurkan oleh OTH buat julung-julung kalinya dan mula berjalan semalam sempena hari pertama berpuasa. Pay It Forward akan berlarutan sehingga 12 Mei ini.

"Kami berharap sedikit sebanyak ia akan membawa keceriaan kepada keluarga yang memerlukan terutama sekali pada musim Ramadan ini dan sempena sambutan perayaan yang akan datang," kata Cik Nur Asykin Ismail, Pengurus Kanan Perhubungan dan Pemasaran OTH kepada BERITAmEDIACORP.



Gambar: Hab Tampines Kita

Menurut Cik Asykin lagi, pihak OTH berharap dengan pemberian makanan ini, ia dapat meringankan pembelanjaan harian keluarga-keluarga berkenaan.

#### INGIN BERI BALIK KEPADA MASYARAKAT

Bagi Express by Papparich, penyertaannya dalam usaha ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab korporat sosial syarikat

itu untuk memberi balik kepada masyarakat.

"Terutama sekali semasa bulan Ramadan ini, ia merupakan suatu keistimewaan bagi kami memberikan makanan kepada keluarga memerlukan, dan juga melancarkan satu siri makanan goreng Ramadan untuk masyarakat Muslim," kata Encik Sebastian Low, Ketua Eksekutif Rantau Asia PappaRich.

Cawangan PappaRich di OTH ini baru sahaja dibuka, namun Encik Low berkata pihaknya tidak sabar untuk berkongsi kegembiraan bersama masyarakat Tampines yang memerlukan ini melalui hidangan-hidangannya.

"Kami benar-benar berharap pemberian kecil dan usaha ini akan membawa keceriaan sempena Ramadan kepada masyarakat Muslim kita," tambah beliau.

#### HABUAN RAYA TURUT DITAWARKAN

Selain makanan berbuka, para penerima bantuan juga diberikan satu lagi kupon yang mana mereka boleh mengambil habuan untuk sambutan Hari Raya nanti.




Ia ditawarkan kedai Maslina yang popular dengan kuih Melayu, kek dan biskutnya. Cawangan Maslina itu baru sahaja dua bulan lalu membuka cawangan di OTH.

"Untuk inisiatif kali ini, kami akan menyumbang kuih raya atau biskut raya kepada keluarga-keluarga ini memandangkan ia waktu Ramadan dan Hari Raya juga bakal menjelang," kongsi Cik Adibah Ahmad, pemilik Maslina.

Menurut beliau inisiatif yang dilakarkan oleh OTH ini amat dialu-alukannya memandangkan syarikat Maslina memang aktif menyumbang kembali ke masyarakat sejak pertubuhannya 35 tahun yang lalu.

"Kami berharap ini akan memberi sedikit keceriaan kepada keluarga-keluarga ini," tambahnya lagi.

- BERITAMediacorp/nj



## Tagged Topics

Hab Tampines Kita

PappaRich

Maslina

Tampines

KONGSI ARTIKEL



## Lebih Banyak Berita Untuk Anda



95% stok Istana Kuih Raya terjual dalam masa 2 hari; stok baru dijangka tiba Rabu



34 pengayuh basikal disaman dalam tempoh 2 hari; termasuk 2 kayuh basikal bertentangan arus trafik



Siti Nurhaliza selamat lahirkan bayi lelaki



Advertisement

The iPhone at \$0 & enjoy \$90 off AirPods Pro. Plus, extra 25GB for garma \$5/mth ma

i (M1)  
gu buat  
jduk

Woodlands  
berkat  
inisiatif  
Ramadan  
Belanja A  
Mealdi Woodlands



Advertisement

\$0 upfront. No contract. Get the Galaxy S21 Series on Bespoke Flexi now.

(M1)

Recommended by |

## Terus bersama kami untuk mendapatkan berita terkini

Klik untuk menyertai saluran telegram kami

